

03/07/1998

Kilang elektronik milik Bumiputera

M Thillinadan

KILANG AIC Semiconductor Sdn Bhd (AIC Semiconductor) yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah, semalam, adalah kilang semikonduktor milik Bumiputera pertama di Malaysia.

Dengan pelaburan awal berjumlah RM78 juta, kilang berkeluasan 9,000 meter persegi itu kini mampu mengeluarkan sejumlah 2.5 juta cip bersepadu seminggu, manakala kapasiti maksimumnya ialah enam juta cip seminggu yang dijangka awal tahun depan.

Pemegang saham utama AIC Semiconductor ialah AIC Technology (55 peratus), AIC Corporation Bhd (10 peratus), Atmel Corporation, Amerika Syarikat (20 peratus) dan Sierra Way Sdn Bhd (15 peratus).

Pengerusi Eksekutif AIC Corporation Bhd (AIC Corp), sebuah syarikat yang disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Sarip Hamid, berkata AIC Semiconductor adalah syarikat Bumiputera pertama di negara ini yang berkecimpung dalam bidang semikonduktor.

"Matlamat utama AIC adalah untuk menjadi salah sebuah syarikat semikonduktor terulung di Malaysia yang bergiat dalam bidang pengeluaran produk berteknologi tinggi untuk pasaran antarabangsa."

"Kita bangga mengumumkan AIC Semikonduktor adalah 80 peratus dimiliki rakyat Malaysia dan 100 peratus diuruskan sendiri oleh rakyat tempatan."

"Dengan rakan kongsi dari Amerika Syarikat, Atmel Corporation dan sebuah syarikat tempatan lain, Sierra Way, semua produk yang dibuat adalah untuk pasaran eksport," katanya ketika berucap pada majlis perasmian kilang itu.

Sempena pembukaan kilang itu juga, lima perjanjian di antara anak syarikat kumpulan AIC Corp dengan beberapa syarikat antarabangsa ditandatangani.

Dua daripadanya membabitkan perjanjian kemudahan kewangan oleh Maybank International (Labuan) Ltd dan Malayan Banking Berhad, masing-masing bernilai RM50 juta (US\$12 juta) dan RM15 juta.

AIC Corp juga menandatangani perjanjian usaha sama dengan Rural Radio Services Pte (UK) Ltd untuk mengeluarkan dan membekal sistem Digital Access Rural Terminal; AIC Multiventures (M) Sdn Bhd menandatangani perjanjian usaha sama dengan Mohammad Saas Aldrees & Sons Co (Arab Saudi) untuk mengeluarkan dan mengendalikan Biro Perkhidmatan GPS (Global Positioning System) di Arab Saudi.

Manakala perjanjian terakhir membabitkan Khazanah Nasional Bhd dan Lockheed Martin Corporation (Amerika Syarikat) untuk membuka kilang pengeluaran komponen elektronik Lockheed di Malaysia.

Sarip mengumumkan, Khazanah Nasional Bhd bersetuju mengambil 25 peratus kepentingan dalam AIC Technology, iaitu abak syarikat AIC Corp, melalui tawaran saham baru.

(END)